

PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RANCANGAN MALAYSIA Ke-12

FAKTA UTAMA

PERBELANJAAN TERKUMPUL 2021-2023	SILING PERBELANJAAN RMKe-12	PERATUS PERBELANJAAN SEHINGGA 31.12.2023
RM231.920 bilion	RM415 bilion	55.9%
PROJEK SEHINGGA 31.12.2023	PROJEK DALAM PELAKSANAAN PADA 31.12.2023	PROJEK LEWAT JADUAL (SAKIT) PADA 31.12.2023
8,279 projek	3,404 projek	202 projek

1. PENDAHULUAN

1.1. Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) untuk tempoh lima tahun bermula tahun 2021 hingga 2025 telah dibentangkan di Parlimen pada 27 September 2021 dan diluluskan pada 21 Oktober 2021. RMKe-12 dijangka dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan Agenda Pembangunan Mampan 2030, menetapkan hala tuju strategik bagi mencapai objektif “Malaysia Makmur, Inklusif, Mampan” dengan memberi tumpuan kepada usaha untuk merencanakan kembali pertumbuhan ekonomi, memastikan kemakmuran negara dapat diagihkan secara lebih adil dan saksama serta mengekalkan kelestarian alam sekitar.

1.2. Parlimen telah meluluskan anggaran siling pembangunan RMKe-12 berjumlah RM400 bilion bagi membiayai projek pembangunan sambungan dan baharu untuk tempoh lima tahun. Walau bagaimanapun, dalam Kajian Separuh Penggal RMKe-12 pada tahun 2023, siling perbelanjaan RMKe-12 dinaikkan sejumlah RM15 bilion sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan kepada RM415 bilion. Sehubungan itu, RMKe-12 dijangka semula dengan visi Ekonomi Madani, yang menyasarkan pemerkasaan dan merencanakan ekonomi negara untuk tempoh 10 tahun.

1.3. Prestasi perbelanjaan pembangunan sebenar tahun 2023 adalah berjumlah RM96.089 bilion (102.9%) berbanding peruntukan berjumlah RM93.359 bilion. Amaun perbelanjaan ini meningkat sejumlah RM24.515 bilion (34.3%) berbanding tahun 2022 yang berjumlah RM71.574 bilion. Lebihan perbelanjaan ini telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 20 Mac 2024. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PRESTASI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2023 BERBANDING 2022

BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
	2023 (RM BILION)	2022 (RM BILION)	RM BILION	%
Peruntukan				
Anggaran Asal*	99.000	77.600	21.400	27.6
(+) Pendahuluan daripada Simpanan Luar Jangka	0.115	0.284	(0.169)	(59.5)
(-) Waran Penyekatan Peruntukan	5.756	9.381	(3.625)	(38.6)
PERUNTUKAN MUKTAMAD*	93.359	68.503	24.856	36.3
Perbelanjaan Sebenar	96.089	71.574	24.515	34.3
Peratus Perbelanjaan (%)	102.9	104.5		

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2023 dan 2022

Nota: * Termasuk Simpanan Luar Jangka berjumlah RM2.0 bilion

1.4. Prestasi perbelanjaan sebenar bagi tempoh tiga tahun berjumlah RM231.920 bilion, meliputi 55.9% daripada siling perbelanjaan sebanyak RM415 bilion. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
PERUNTUKAN MUKTAMAD DAN PERBELANJAAN
PEMBANGUNAN RMKe-12 BAGI TAHUN 2021 HINGGA 2023

PERKARA	TAHUN			JUMLAH (RM BILION)
	2021 (RM BILION)	2022 (RM BILION)	2023 (RM BILION)	
Siling Perbelanjaan RMKe-12				415.000
Peruntukan Mukamad*	60.894	68.503	93.359	222.756
Perbelanjaan Sebenar	64.257	71.574	96.089	231.920
Peratus Perbelanjaan (%)	105.5	104.5	102.9	55.9**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2021 hingga 2023

Nota: *Termasuk Simpanan Luar Jangka berjumlah RM2.0 bilion

**Peratus perbelanjaan sebenar berbanding siling perbelanjaan RMKe-12

1.5. Setakat 31 Disember 2023, sebanyak 8,279 projek pembangunan di bawah *Rolling Plan* (RP) 3 RMKe-12 melibatkan 26 Kementerian adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
BILANGAN PROJEK PEMBANGUNAN DI BAWAH RP3
RMKe-12 MENGIKUT KEMENTERIAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2023

BIL.	KEMENTERIAN	BILANGAN PROJEK
1.	Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	2,064
2.	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)	1,597
3.	Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)	673
4.	Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)*	646
5.	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)	442
6.	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)	404

BIL.	KEMENTERIAN	BILANGAN PROJEK
7.	Kementerian Dalam Negeri (KDN)	336
8.	Jabatan Perdana Menteri (JPM)	321
9.	Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)	286
10.	Kementerian Belia dan Sukan (KBS)	228
11.	Kementerian Kerja Raya (KKR)	224
12.	Kementerian Pertahanan (MINDEF)	174
13.	Kementerian Ekonomi (KE)	138
14.	Kementerian Sumber Manusia (KESUMA)	115
15.	Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD)	107
16.	Kementerian Pengangkutan (MOT)	103
17.	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)	68
18.	Kementerian Perlindungan dan Komoditi (KPK)	67
19.	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)	55
20.	Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI)	52
21.	Kementerian Kewangan (MoF)	46
22.	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC)	45
23.	Kementerian Perpaduan Negara (KPN)	33
24.	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)	28
25.	Kementerian Luar Negeri (KLN)	18
26.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)	9
JUMLAH		8,279

Sumber: Laporan Prestasi Program/Projek Pembangunan RP3 sehingga 2 Januari 2024, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri

Nota: *NRECC kini dibahagikan kepada dua Kementerian, iaitu Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam serta Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air

2. STATUS PELAKSANAAN PROJEK

2.1. Daripada keseluruhan 8,279 projek pembangunan RP3 RMKe-12, sebanyak 2,442 projek dalam peringkat pasca pelaksanaan; 3,404 projek dalam peringkat pelaksanaan; 2,323 projek lagi masih di peringkat pra pelaksanaan; manakala 16 projek berstatus batal dan 94 projek berstatus simpan dalam perhatian. Butiran pencapaian pelaksanaan projek pembangunan RP3 RMKe-12 sehingga 31 Disember 2023 adalah seperti dalam **Jadual 4** dan **Carta 1**.


JADUAL 4
PENCAPAIAN PELAKSANAAN
PROJEK PEMBANGUNAN RP3 RMKe-12 SEHINGGA 31 DISEMBER 2023

BIL.	KEMENTERIAN	BILANGAN PROJEK DILULUSKAN	PASCA PELAKSANAAN	DALAM PELAKSANAAN	PRA PELAKSANAAN	BATAL DAN SIMPAN DALAM PERHATIAN
1.	Kementerian Pendidikan	2,064	821	462	748	33
2.	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah	1,597	304	730	538	25

BIL.	KEMENTERIAN	BILANGAN PROJEK DILULUSKAN	PASCA PELAKSANAAN	DALAM PELAKSANAAN	PRA PELAKSANAAN	BATAL DAN SIMPAN DALAM PERHATIAN
3.	Kementerian Kesihatan	673	353	178	127	15
4.	Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim	646	135	324	178	9
5.	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan	442	219	181	41	1
6.	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	404	132	175	81	16
7.	Kementerian Dalam Negeri	336	47	142	146	1
8.	Jabatan Perdana Menteri	321	69	223	29	0
9.	Kementerian Pendidikan Tinggi	286	51	178	56	1
10.	Kementerian Belia dan Sukan	228	53	108	67	0
11.	Kementerian Kerja Raya	224	46	120	58	0
12.	15 Kementerian Lain	1,058	212	583	254	9
JUMLAH		8,279	2,442	3,404	2,323	110

Sumber: Laporan Prestasi Program/Projek Pembangunan RP3 sehingga 2 Januari 2024, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri

CARTA 1
PENCAPAIAN PELAKSANAAN
PROJEK PEMBANGUNAN RP3 RMKe-12 SEHINGGA 31 DISEMBER 2023




Sumber: Laporan Prestasi Program/Projek Pembangunan RP3 sehingga 2 Januari 2024, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri

2.2. Daripada 3,404 projek dalam pelaksanaan, sebanyak 2,305 projek adalah mengikut jadual; 549 projek dahulu jadual; 202 projek lewat jadual (sakit)¹; 107 projek lewat jadual; manakala 241 projek lagi berstatus tiada kemajuan².

3. PROJEK LEWAT JADUAL (SAKIT)

3.1. Sebanyak 202 projek lewat jadual (sakit) melibatkan 19 daripada 26 Kementerian. Butiran lanjut bagi projek lewat jadual (sakit) mengikut Kementerian pada 31 Disember 2023 adalah seperti dalam **Carta 2**.

CARTA 2
PROJEK LEWAT JADUAL (SAKIT)
MENGIKUT KEMENTERIAN PADA 31 DISEMBER 2023



Sumber: Laporan Prestasi Program/Projek Pembangunan RP3 sehingga 2 Januari 2024, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri

3.2. Lima projek lewat jadual (sakit) dengan tempoh kelewatan tertinggi adalah seperti dalam **Jadual 5**.

1. Penggunaan terma projek lewat jadual (sakit) adalah seperti yang diguna pakai di dalam Laporan Prestasi Projek Pembangunan yang disediakan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan, JPM. Sesuatu projek dikategorikan sebagai projek lewat jadual (sakit) apabila kemajuan kerja fizikal telah mengalami kelewatan melebihi dua (2) bulan atau 20% (mengikut mana yang terdahulu) berbanding jadual yang ditetapkan dalam kontrak.
2. Tiada kemajuan ialah projek yang tiada perihal, tiada peratus jadual dan tiada peratus sebenar dalam sistem MyProjek.

JADUAL 5
PROJEK LEWAT JADUAL (SAKIT) DENGAN TEMPOH KELEWATAN TERTINGGI

BIL.	PROJEK DAN KOS ASAL	KEM.	BILANGAN DAN TEMPOH EOT	TEMPOH LEWAT (HARI)	SEBAB KELEWATAN	MAKLUM BALAS KEMENTERIAN
1.	- Program Perumahan Rakyat Seduan, Sibul, Sarawak - RMKe-11 - RM99.17 juta	KPKT	EOT 1: 114 hari (23.10.2022 - 13.02.2023) EOT 2: 74 hari (14.02.2023 - 28.04.2023) EOT 3: 115 hari (29.04.2023 - 21.08.2023)	1,120	- Masalah pengurusan dan kewangan kontraktor. - Isu pindah milik tanah persendirian kepada Kerajaan Persekutuan yang belum selesai.	- Kontraktor telah ditamatkan pada 18 April 2024. - Pembayaran kepada pemilik tanah persendirian akan dibuat melalui peguam selepas kelulusan MoF dan dijangka selesai pada November 2024. - Dasar baharu Kementerian menetapkan supaya Kerajaan Negeri menyediakan tanah tanpa perlu dipindah milik kepada Kerajaan Persekutuan. Sebarang permohonan perlu melalui Pihak Berkuasa Negeri.
2.	- Membina Jalan Libaran Bypass di Sandakan, Sabah - RMKe-10 - RM142.70 juta	KKR	EOT 1: 290 hari (13.10.2016 - 29.07.2017) EOT 2: 520 hari (30.07.2017 - 31.12.2018) EOT 3: 180 hari (01.01.2019 - 29.06.2019) EOT 4: 183 hari (30.06.2019 - 29.12.2019) EOT 5: 442 hari (30.12.2019 - 15.03.2021)	1,021	Skop jambatan dibina runtuh.	- Lembaga Perolehan KKR telah memperakukan Arahan Perubahan Kerja No.4 bagi kerja-kerja pengalihan besi kerangka jambatan (steel girder) atas faktor keselamatan penduduk sekitar. - Perakuan ini telah dikemukakan ke Kementerian Kewangan pada 29 Ogos 2024.
3.	- Naik Taraf Hospital Beaufort, Sabah - RMKe-11 - RM32.81 juta	KKM	EOT 1: 119 hari (18.06.2022 - 14.10.2022) EOT 2: 133 hari (15.10.2022 - 25.02.2023) EOT 3: 129 hari (26.02.2023 - 04.07.2023) EOT 4: 100 hari (05.07.2023 - 12.10.2023)	952	Masalah pengurusan dalaman kontraktor yang lemah.	- Mesuarat Contract Coordination Panel (CCP) pada 23 Januari 2024 telah mengesyorkan penamatan kontraktor. - Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor telah ditandatangani oleh Pengarah Kerja Raya Sabah pada 7 Mac 2024. - Jabatan Kerja Raya Sabah masih dalam proses penyediaan skop kerja yang diperlukan dan kos bagi baki kerja untuk tujuan tender semula. - Projek dijangka tidak dapat disiapkan pada tahun 2025.
4.	- Taman Industri Kecil dan Sederhana SEDCO, Kota Kinabalu Industrial Park, Sepanggar - RMKe-11 - RM33.84 juta	KE	EOT 1: 381 hari (03.04.2019 - 17.04.2020) EOT 2: 110 hari (18.04.2020 - 05.08.2020) EOT 3: 388 hari (06.08.2020 - 29.08.2021) EOT 4: 101 hari (30.08.2021 - 09.12.2021)	678	Beberapa lot masih menghadapi masalah kerana terdapat air keluar ke permukaan tanah walaupun telah ditimbus (mata air).	- Prestasi kemajuan fizikal sebenar projek di tapak telah mencapai 97.3% dan hanya berbaki satu lot industri yang masih menghadapi masalah mata air. Walau bagaimanapun, masalah ini tidak melibatkan struktur bangunan. - Kementerian telah mengarahkan SEDCO supaya membentangkan hala tuju dan cadangan penyelesaian kepada Contract


BIL.	PROJEK DAN KOS ASAL	KEM.	BILANGAN DAN TEMPOH EOT	TEMPOH LEWAT (HARI)	SEBAB KELEWATAN	MAKLUM BALAS KEMENTERIAN
						Coordination Panel (CCP) Kementerian sekiranya projek tidak dapat diselesaikan pada 30 Ogos 2024 seperti dijadualkan dalam pelan pemulihan baki kerja projek.
5.	- Program Perumahan Rakyat Jalan Tungku, Lahad Datu, Sabah - RMKe-11 - RM143.10 juta	KPKT	EOT 1: 117 hari (16.12.2022 - 11.04.2023) EOT 2: 156 hari (12.04.2023 - 14.09.2023) EOT 3: 60 hari (15.09.2023 - 13.11.2023) EOT 4: 166 hari (14.11.2023 - 27.04.2024)	670	- Masalah pengurusan dan kewangan kontraktor. - Isu pindah milik tanah persendirian kepada Kerajaan Persekutuan yang belum selesai kerana tanah dicagar kepada Sabah Development Bank (SDB).	- Kontraktor telah ditamatkan pada 9 April 2024. - SDB sedang mempertimbang dan mendapatkan keputusan Lembaga Pengarah berkaitan perbezaan penilaian tanah oleh Jabatan Tanah dan Ukur (JTU) Sabah dengan penilaian swasta. Sekiranya dipersetujui kadar penilaian JTU, pembayaran tanah dijangka selesai pada bulan November 2024. - Dasar baharu Kementerian menetapkan supaya Kerajaan Negeri menyediakan tanah tanpa perlu dipindah milik kepada Kerajaan Persekutuan. Sebarang permohonan perlu melalui Pihak Berkuasa Negeri.

Sumber: Maklum Balas daripada KPKT, KKM dan KE (3 September 2024); dan KKR (5 September 2024)

Maklum balas daripada Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri pada 2 September 2024

Sehingga 26 Ogos 2024, daripada keseluruhan 8,593 projek pembangunan RP4 RMKe-12 sebanyak 1,434 projek dalam peringkat pasca pelaksanaan; 3,942 projek dalam peringkat pelaksanaan; 3,085 projek lagi masih di peringkat pra pelaksanaan; manakala 100 projek berstatus batal dan 32 projek berstatus simpan dalam perhatian. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 3**.

CARTA 3
PRESTASI PELAKSANAAN
PROJEK PEMBANGUNAN RP4 RMKe-12 PADA 26 OGOS 2024



Sumber: Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (Data MyProjek)

4. RUMUSAN

Sehingga akhir tahun 2023, sebanyak 2,442 projek (29.5%) adalah di peringkat pasca pelaksanaan, 3,404 projek (41.1%) sedang dalam pelaksanaan, 2,323 projek (28.1%) di peringkat pra pelaksanaan manakala 110 projek (1.3%) adalah berstatus batal dan simpan dalam perhatian. Prestasi perbelanjaan projek bagi tempoh 2021 hingga 2023 adalah sebanyak RM231.920 bilion melebihi peruntukan yang diluluskan sebanyak RM222.756 bilion bagi tempoh yang sama. Jumlah ini telah pun mencecah 55.9% daripada jumlah siling peruntukan sebanyak RM415 bilion bagi tempoh RMKe-12 selepas Kajian Separuh Penggal RMKe-12.

5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pelaksanaan projek RMKe-12 dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan (2025 tahun terakhir RMKe-12), pihak Audit mengesyorkan:

5.1. Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan (Pegawai Pengawal) hendaklah membuat pemantauan yang lebih rapi dan berterusan bagi memastikan pelaksanaan projek pembangunan di bawah RMKe-12 dapat disiapkan sepenuhnya menjelang akhir tahun 2025 seperti mana yang telah dirancang.

5.2. Langkah intervensi oleh pihak yang bertanggungjawab hendaklah dilaksanakan dengan segera bagi memastikan projek yang dirancang, termasuk projek lewat jadual (sakit) dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan.

5.3. Kementerian dan Jabatan bertanggungjawab hendaklah mengemas kini maklumat dalam sistem MyProjek dari semasa ke semasa bagi memastikan prestasi pelaksanaan projek dilaporkan dengan tepat.